

## KE ARAH MEMBANGUNKAN MASJID MESRA REMAJA

Jamilia Mohd Marsin<sup>1</sup>, Syed Ahmad Iskandar<sup>2</sup>, Ismail Mustari<sup>3</sup>, Raja Nafida Raja Shahminan<sup>4</sup>

1. Fakulti Alam Bina, 2. Institut Sultan Iskandar (ISI), 3. Fakulti Tamadun Islam  
Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM)  
Universiti Teknologi Malaysia  
[marsin.j@gmail.com](mailto:marsin.j@gmail.com)

### ABSTRAK

*Masjid perlu menjadi satu institusi yang mesra kanak-kanak dan remaja. Memandangkan fungsi besar masjid kepada masyarakat Muslim terutamanya adalah menjadi pusat pembangunan masyarakat, ia sepatutnya menjadi salah sebuah tempat yang menyokong pembentukan jatidiri generasi umat Islam pelapis masa depan. Penulisan ini menyoroti literasi yang bersangkut paut dengan kanak-kanak dan remaja serta masjid. Selain itu literasi berkenaan perlakuan dan perkembangan psikologi kanak-kanak dan remaja perlu dititik beratkan bagi lebih memahami keperluan mendesak masjid sebagai institusi Islam dalam pendidikan(tarbiyah) anak-anak dari kecil sehingga meningkat dewasa. Sebagai rumusan, penulisan ini akan menggariskan keperluan kanak-kanak dan remaja di masjid agar ia dapat menjadi rujukan kepada pembangunan masjid yang lebih mesra kanak-kanak dan remaja.*

### 1.0 PENDAHULUAN

Masjid merupakan sebuah intitusi agama Islam yang strategik untuk membentuk komuniti Muslim yang cemerlang. Ini kerana, selain daripada peranan masjid kepada pertumbuhan umat seperti dalam sejarah Islam, kebiasaannya masjid-masjid di Malaysia terutamanya masjid qariah atau masjid Jamek terletak di tengah-tengah masyarakat. Masjid boleh menjadi mercu sesuatu kawasan perumahan dan seterusnya ia dapat menjadi sebagai pusat tumpuan. Kefahaman masyarakat hari ini juga dilihat telah berubah dari menganggap masjid sebagai tempat mendirikan solat sahaja kepada pusat pembangunan masyarakat.

Oleh itu, seharusnya sesebuah masjid bersifat mesra masyarakat dari pelbagai peringkat umur termasuk golongan kanak-kanak dan remaja. Namun, secara lazimnya kita lihat masjid-masjid dikunjungi oleh warga tua dan dewasa sahaja. Ibu ini juga berlaku di masjid luar negara. Sebagai contoh, masjid-masjid di negara barat seperti Amerika Syarikat dan Britain hanya didatangi oleh mereka yang berumur 10 tahun kebawah atau 30 tahun ke atas. (Samana Siddiqui 2014). Realiti hari ini menampakkan peranan masjid telah hilang daya apabila masjid hanya digunakan untuk ibadat khusus, majlis-majlis keagamaan dan akad nikah sahaja (Mohamed 2008). Ianya satu permasalahan global dan berpanjangan, tetapi memerlukan strategi dan solusi yang baru mengikut zaman.

Tambahan pula, di Malaysia yang penduduknya majoriti Islam, masjid-masjid dibina seperti ‘cendewan tumbuh selepas hujan’ seiring dengan pertambahan penduduk. Masjid-masjid ini perlu dibina dengan mengambil kira keperluan kanak-kanak dan remaja masa kini dan masa hadapan untuk menjamin kelestarian sosial dan agama sesebuah masyarakat. Menjadikan masjid mesra kanak-kanak dan remaja perlu menjadi agenda setiap masjid bagi menjayakan objektif Masjid untuk menjadi pusat pembangunan masyarakat. Kehadiran anak-anak muda ke masjid sendiri menjadi penanda aras kekuatan umat Islam.

## **1.1 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian berkaitan masjid mesra kanak-kanak dan remaja berbalik kepada kepentingan generasi muda ini menjadi golongan yang mencintai masjid pada masa hadapan.

Rasa suka kepada masjid tidak berlaku secara tiba-tiba atau secara terpaksa. Perasaan yang cintakan masjid, ia perlu dipupuk sejak dari kecil. Bagai pepatah melayu ‘melentur buluh biar dari rebungnya’.

*Pesan Sultan Muhammad Al Fatih (Penakluk Constantinople):*

.... "Jika suatu saat kelak kamu TIDAK lagi mendengar bunyi bising dan gelak tertawa anak-

*anak riang di antara saf-saf Shalat di masjid-masjid, maka sesungguhnya takutlah kalian akan kejatuhan Generasi muda kalian di masa itu"*

## **1.2 SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini menyoroti penulisan-penulisan berkenaan masjid dan kanak-kanak serta remaja secara khususnya dan peranan masjid sebagai institusi pembangunan masyarakat umumnya. Ia melibatkan penulisan ilmiah, majalah, serta artikel web dan surat khabar.


Selain itu, penulisan terhadap perkembangan anak-anak dari segi psikologi juga turut disoroti untuk mendapatkan kefahaman berkenaan anak-anak dan kelakuan mereka secara umum. Kajian ini hanya memfokuskan kepada kanak-kanak dan remaja Muslim yang ‘normal’ secara umum dan tidak mengambil kira faktor lain seperti latar belakang ekonomi, pendidikan, keluarga dan kelainan upaya dari segi mental mahupun fizikal.

## **2.0 KEPENTINGAN MASJID DALAM PERKEMBANGAN KANAK-KANAK DAN REMAJA**

Bahagian ini akan menyoroti literatur berkaitan perkembangan kanak-kanak dan remaja dan digabungkan dengan literasi tentang pendidikan anak-anak dalam Islam. Kebanyakkannya penulisan berkaitan perkembangan anak-anak yang berasal dari barat memfokuskan tentang kesihatan fizikal dan psikologi. Aspek rohani atau keagamaan jarang dijadikan fokus dalam kajian persekitaran terutamanya yang melibatkan kanak-kanak. Oleh itu, adalah penting untuk kajian berkaitan dengan masjid sebagai institusi Islam dihubungkait dengan pendidikan anak-anak dalam Islam (*tarbiyatul aulad fil Islam*).

Untuk mewujudkan masjid yang mesra kanak-kanak dan remaja, kita perlu memahami perkembangan, perwatakan dan kelakuan kanak-kanak dan remaja secara asas. Walaupun didikan anak-anak semestinya bermula dari rumah, masjid merupakan salah satu persekitaran luar yang dapat merangsang pertumbuhan positif anak-anak sebagaimana pentingnya sekolah, orang luar dan media (Hall 2009; Badaruddin Mohamed 2003). Oleh itu, masjid perlu menjadi mesra kanak-kanak dan remaja dari pelbagai sudut.

Pemahaman terhadap peringkat-peringkat perkembangan anak-anak dapat membantu ibubapa dan orang dewasa untuk membantu merangsang pertumbuhan anak-anak menjadi orang dewasa yang sihat dari segi rohani, akal dan jasmani. Terdapat beberapa peringkat perkembangan manusia (rujuk rajah 1) dan setiap peringkat perkembangan memerlukan penerapan yang berbeza mengikut pertumbuhan.



**Rajah 1: Perkembangan Anak-anak dari segi Psikologi**

**Sumber:** (Hall 2009; Batubara 2010; Mustari 2006)

Perkembangan psikologi ini juga boleh dibanding dengan kata-kata sahabat Rasulullah s.a.w, Saidina Ali bin Abi Talib yang bermaksud:

*Didiklah anakmu dengan 3 tujuh,  
 Tujuh yang pertama, didiklah anakmu seperti raja  
 Tujuh yang kedua, didiklah anak dengan bimbingan (disiplin)  
 Tujuh tahun ketiga, jadikanlah anak mu seperti sahabat*

Terdapat juga pihak yang mengatakan kata-kata itu datang dari Rasulullah s.a.w tetapi tidak dapat disahkan:

*"Biarkanlah anak-anak kalian bermain dalam tujuh tahun pertama, kemudian didik dan bimbinglah mereka dalam tujuh tahun kedua, sedangkan tujuh tahun berikutnya jadikan mereka bersama kalian dalam musyawarah dan menjalankan tugas. (kutipan perkataan Rasulullah yang tercatat dalam buku tentang adab yang bersumber dari ucapan Abdul Malik bin Marwan)"*

**Sumber:** <http://tigakali.com/mendidik-anak-dalam-islam-fase-7-tahun-pertama/>

Pada fasa awal anak-anak disekitar umur bayi 0-2 tahun dan kanak-kanak 2 ke 6 tahun adalah fasa minda mereka mampu menyerap segala yang dilihat dan diterokainya dengan cepat seperti span menyerap air. Pendedahan awal kanak-kanak ke masjid dan pengalaman yang baik dapat membentuk hubungan (*attachment*) mereka dengan masjid dengan lebih awal.

Kita perlu faham bahawa kanak-kanak pada fasa ini belum mumayyiz dan bermain adalah suatu perkara yang amat penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Oleh itu masjid dan Jemaahnya perlu melayan kanak-kanak dengan mesra dan baik serta menunjukkan contoh tauladan yang baik dari segi perbuatan terutamanya. Terdapat pelbagai contoh yang baik telah ditunjukkan oleh Rasulullah dalam beberapa hadis:

*Dari Syaddan Al-Laitsi radhiyallahuanhu berkata, "Rasulullah SAW keluar untuk solat di siang hari entah zuhur atau asar, sambil mendukung salah satu cucu baginda, entah Hasan atau Husain. Ketika sujud, baginda melakukannya panjang sekali. Lalu aku mengangkat kepalaku, ternyata ada anak kecil berada di atas punggung baginda SAW. Maka Aku kembali sujud. Ketika Rasulullah SAW telah selesai solat, orang-orang bertanya,"Ya Rasulullah, Anda sujud lama sekali hingga kami mengira sesuatu telah terjadi atau turun wahyu". Baginda SAW menjawab, "Semua itu tidak terjadi, tetapi anakku (cucuku) ini menunggangi aku, dan aku tidak ingin terburu-buru agar dia puas bermain." (HR. Ahmad, An-Nasai dan Al-Hakim)*

Umur kanak-kanak 6 ke 12 tahun adalah masa yang baik untuk pengenalan kepada hukum-hakam agama, adab-adab dalam Islam dan praktikal ibadah seperti wuduk dan solat. Pada fasa ini mereka sudah mula memahami (*tamyiz*) dan dapat memproses informasi. Kanak-kanak seperti ini perlu diberikan penekanan melalui aktiviti dan program seperti Bengkel Solat, Tajwid dan sebagainya. Memandangkan kanak-kanak pada umur ini masih belum memberi tumpuan yang panjang, aktiviti perlulah menarik dan dipelbagaikan. Melakukan aktiviti di masjid untuk kanak-kanak dapat memberi ruang kepada mereka untuk menambah ilmu, malah mereka bersosial secara terkawal selain dapat mengimarahkan masjid.

Bagi remaja 12 tahun hingga 18 tahun, pengaruh rakan terhadap pembentukan peribadi sangat tinggi. Saidina Ali juga menyatakan bahawa fasa tujuh yang ketiga (14 – 21 tahun) adalah fasa anak-anak ini perlu dijadikan sahabat. itu Pemilihan kawan adalah sangat penting. Perkara ini sendiri telah digarap dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Seseorang itu adalah mengikut agama temannya, oleh itu hendaklah seseorang itu meneliti siapa yang menjadi temannya." (Hadis riwayat Abu Daud).*

Dalam fasa ini, remaja memerlukan teman bagi melakukan aktiviti bersama, bersosial, berhibur dan berkongsi masalah dan perasaan. Mereka juga memerlukan ruang agar tidak terasa terkongkong oleh ibu bapa. Sememangnya amat penting untuk ibu bapa, penjaga dan masyarakat memantau siapa yang mendampingi anak-anak kita. Merapatkan anak-anak ke masjid sejak dari awal dapat sedikit sebanyak membentuk kumpulan kawanan anak-anak dengan golongan yang suka ke masjid. Sedangkan petanda orang yang mencintai masjid adalah orang yang bertaqwa.

*Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain Allah, maka merekalah yang termasuk golongan orang-orang yang selalu mendapat petunjuk" (QS At-Taubah: 18).*

*"Diumpamakan rakan yang soleh dan rakan yang jahat ialah seperti (berkawan) dengan penjual minyak wangi dan tukang besi. Penjual minyak wangi tidak akan mensia-siakan anda, sama ada anda membelinya atau hanya mendapat bau harumannya. Tukang besi pula boleh menyebabkan rumah anda atau baju anda terbakar, atau mendapat bau busuk."(Hadis al-Bukhari)*

Sekiranya masjid menjadi mesra belia, masjid sepatutnya dapat menjadi pusat tumpuan kepada belia untuk bersosial dan beraktiviti. Ini membolehkan qariah memantau kumpulan anak-anak muda secara tidak langsung disamping terjaga akhlak dan perbuatan melalui kesedaran umum tentang masjid sebagai tempat yang perlu dimuliakan.

### **3.0 CADANGAN-CADANGAN UNTUK MENJADIKAN MASJID MESRA KANAK-KANAK DAN REMAJA**

Bahagian ini akan menyoroti penulisan tentang masjid yang berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja. Terma lain yang digunakan untuk mewakili kanak-kanak dan remaja adalah anak-anak muda, generasi muda mahupun generasi masa hadapan. Penggunaan terma ini juga menggambarkan kasih sayang dan harapan kepada kanak-kanak dan remaja Muslim yang diharapkan untuk menjadi tonggak umat pada masa akan datang.

Dari bacaan tentang kajian dan penulisan artikel, terdapat banyak aspek yang dicadangkan ke arah membentuk masjid yang mesra kanak-kanak dan remaja. Aspek-aspek tersebut boleh dikumpulkan kepada topik utama seperti berikut:

- i. masjid menjadi pusat pendidikan
- ii. Pengurusan masjid yang professional
- iii. Pengurusan Jemaah & khalayak ramai
- iv. Program, aktiviti dan fasiliti yang sesuai dengan 'Jiwa muda'

#### **3.1 Masjid menjadi pusat pendidikan**

Dalam kebanyakkan penulisan mengenai masjid sebagai sebuah institusi pembangunan masyarakat, aspek yang sering disentuh apabila masjid dikaitkan dengan remaja adalah aspek pendidikan.

Masjid perlu menjadi pusat pendidikan yang syumul atau menyeluruh bagi generasi muslim muda. Masjid sepatutnya menjadi salah satu persekitaran yang dapat membantu membentuk peribadi anak-anak dari segi rohani, intelektual dan jasmani (Ulwan 2015). Oleh itu, pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja perlu dijalankan secara sepenuh masa oleh institusi masjid bagi mencapai matlamat tersebut (Mohamad & Mohamed Adnan 2011).

Penulis & tahun	Isu	Penemuan/Cadangan
(Mohamad & Mohamed Adnan 2011)	Anak-anak tidak menjadikan masjid suatu tempat yang istimewa kerana masyarakat tidak menjadikan masjid sebagai institusi pendidikan agama dan akhlak yang formal	Modul pendidikan kanak-kanak dan remaja melalui institusi masjid
(Abd Hamid & Ismail 2014)	Masjid kurang mesra kanak-kanak. Institusi masjid perlu mencontohi masjid pada zaman Rasulullah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>② Masjid perlu dianggap sebagai rumah kedua kanak-kanak.</li> <li>② Masjid menjadi pusat didikan rohani, jasmani</li> <li>② Memperbanyak program mesra kanak-kanak</li> </ul>
(Abd.Wahab et al. 2016)	Membangun masyarakat era kontemporari melalui pemerkasaan peranan masjid	<ul style="list-style-type: none"> <li>② Masjid menjadi pusat keilmuan</li> <li>② Masjid menjadi pusat kegiatan</li> <li>② Masjid menjadi pusat kebajikan dan kaunseling</li> <li>② Masjid mempunyai pusat teknologi maklumat</li> </ul>

**Rajah 2: Sorotan kajian mengenai masjid dan Anak-anak**

Namun, pembentukkan jati diri kanak-kanak dan remaja melalui masjid tidak perlu menjadi terlalu kaku dengan pendidikan secara formal dan berpandukan modul semata-mata. Malah, pendidikan boleh diberikan secara bersahaja melalui pelbagai kaedah. Kita boleh lihat kaedah pendidikan anak-anak yang disarankan oleh Abdullah Nasih Ulwan (2015):

- ② Pendidikan Melalui Teladan
- ② Pendidikan melalui kebiasaan
- ② Pendidikan melalui nasihat
- ② Pendidikan melalui pemerhatian
- ② Pendidikan melalui hukuman

Selain pendidikan berkaitan dengan keagamaan, anak muda juga perlu dibekalkan dengan ilmu dan isu semasa agar dapat menepis dan mengelakkan ancaman-ancaman yang boleh merosakkan akhlak dan aqidah mereka. Oleh itu, masjid perlu menjadi platform praktikal pertama dalam masyarakat untuk mendidik anak-anak muda sedari kecil lagi.

### **3.2 Pengurusan Masjid yang profesional**

Selain itu, bagi menjayakan matlamat menjadikan masjid sebagai institusi, pengurusan masjid adalah sangat penting. Pengurusan masjid dari pelbagai pihak samada pihak berkuasa dan terutamanya jawatan kuasa masjid dan qariah masjid amat diperlukan untuk menghidupkan kembali peranan-peranan masjid yang pernah wujud sejak zaman Rasulullah sehingga zaman kegemilangan Islam (MUIS 2005).

Pengurusan masjid secara profesional boleh menjamin pemerkasaan fungsi institusi masjid. Walaupun institusi masjid di Malaysia sudah mempunyai kerangka pengurusan yang baik, perubahan zaman mendesak pembaharuan pada pengurusan masjid sesuai dengan tuntutan semasa (Mohamed 2008). Telah banyak penulisan yang menyentuh aspek pengurusan berkualiti (Maimunah et al. 2014; Arasteh 2014; SIRIM 2014; Mat Arshad 2008; Abu Bakar 2010).

Antara cadangan yang boleh dipetik dari sorotan literatur mengenai institusi masjid adalah masjid perlu diurus sepenuh masa secara profesional. Kebanyakkan masjid yang besar dalam herarki seperti masjid negara dan masjid negeri mempunyai staf sepenuh masa bagi pengurusan masjid. Terdapat juga beberapa masjid di herarki masjid jamek yang mempunyai pengurusan profesional melebih piawaian seperti Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Johor Bahru . Masjid ini merupakan masjid qariah yang mempunyai staf yang dibiayai oleh yayasan masjid.



**Masjid Jamek Bandar Baru Uda**

**Sumber:** penulis

Namun hakikatnya, kebanyakkan jawatan kuasa atau jemaah bagi masjid-masjid di herarki bawah mempunyai pekerjaan sendiri. Kesibukan ahli jawatan kuasa atau Jemaah menyukarkan masjid dijadikan institusi pembangunan masyarakat sepenuh masa. Tiada ‘think tank’ yang dapat mencetuskan program khusus untuk kanak-kanak dan remaja apatah lagi menjalankannya. Masjid-masjid akan terus kelihatan lesu sepanjang hari, kecuali pada waktu solat dan keraian.

Oleh itu, pengurusan sumber manusia profesional amat diperlukan di masjid dalam mana-mana peringkat herarki. Selain itu, masjid boleh memberi peluang pekerjaan kepada graduan Muslim yang menganggur dalam pelbagai bidang yang melibatkan pengurusan profesional seperti perakaunan, pemasaran, pengurusan, kaunseling, guru-guru agama dan akademik, ICT dan sebagainya (<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/200-000-siswazah-berijazah-menganggur-1.142516>).

Pengurusan masjid yang professional boleh melonjakkan pengimaranan masjid serta menjadikan masjid dan masyarakat disekitarnya sebuah institusi yang mampan.

### **3.3 Penglibatan anak muda dalam institusi masjid**

Sekiranya pengurusan sumber manusia yang professional tidak dapat dilakukan dengan segera, masjid-masjid boleh melibatkan para Jemaah dalam pengurusan.

Seperti mana anak muda di zaman rasulullah S.A.W diberi amanah begitu juga belia masa kini perlu diberi peluang untuk terlibat dalam institusi masjid. Masjid perlu lebih terbuka dan mengalu-alukan penglibatan belia di masjid sebagai ahli jawatan kuasa atau pengurusannya.

*“Manfaatkan lima perkara sebelum lima perkara:*

- [1] *Waktu mudamu sebelum datang waktu tuamu,*
- [2] *Waktu sehatmu sebelum datang waktu sakitmu,*
- [3] *Masa kayamu sebelum datang masa kefakiranmu,*
- [4] *Masa luangmu sebelum datang masa sibukmu,*
- [5] *Hidupmu sebelum datang kematianmu.” (dari Hadis Sahih Bukhari-Muslim)*

Banyak ciri-ciri anak muda yang harus kita manfaatkan seperti yang terdapat dalam hadis si atas. Terutamanya pelajar sekolah kerana mereka mempunyai lebih banyak masa lapang berbanding orang dewasa. Tenaga dan keghairahan yang tinggi dikalangan anak-anak muda sepatutnya disalurkan kepada perkara-perkara positif seperti menjalankan *khilosah* (rondaan malam) di kawasan-kawasan perumahan bagi remaja lelaki, keceriaan masjid serta mewujudkan kelab-kelab di bawah naungan masjid.



**Melibatkan remaja dalam selenggaraan masjid juga dapat menjiimatkan kos pengurusan serta merapatkan ukhwah**

Sumber: Yayasan Ikhlas Johor

Penglibatan yang positif kanak-kanak dan remaja bersama atau di masjid juga dapat menjalinkan hubungan ukhwah dengan pelbagai lapisan masyarakat dalam membentuk sahsiah muslim yang cemerlang.

*“Jika kita tidak disibukkan dengan perkara kebaikan,  
kita akan disibukkan dengan perkara kejahanan”*

Anak-anak muda juga lebih terkehadapan dalam bidang teknologi maklumat seperti media sosial, internet dan sebagainya. Penglibatan remaja sebagai pengurus ICT masjid dari kalangan remaja bukan sahaja memberi mereka tanggung jawab, malah peranan ini dapat dijalankan dengan lebih

baik dan cekap kerana generasi mereka lebih arif dan cepat mengadaptasi dengan kecanggihan teknologi yang sentiasa berubah.



#### **Remaja terlibat dalam program untuk kanak-kanak**

**Sumber:** penulis

Namun kepercayaan yang tinggi perlu diletakkan terhadap anak-anak muda bagi memupuk rasa tanggung jawab dalam diri mereka. Kanak-kanak dan remaja mempunyai naluri ingin tahu yang kuat dan menyebabkan mereka suka mencuba perkara baharu. Walaupun banyak perbincangan mengenai sifat ini yang membawa kepada masalah sosial dan perkara-perkara negatif lain, sebenarnya ia adalah sifat fitrah manusia yang perlu dihalalkan kepada saluran-saluran yang positif.

*"Jika kita tidak disibukkan dengan perkara kebaikan, kita akan disibukkan dengan perkara kejahatan"*



#### **Program untuk kanak-kanak setempat dengan kerjasama Masjid dan badan luar**

**Sumber:** Yayasan Ikhlas Johor Bahru

Oleh itu, masjid seharusnya menjadi medium pembentukan akhlak anak-anak muda setempat dengan mengadakan program-program yang bermanfaat. Selain itu, pemberian tugas atau tanggung jawab kepada generasi muda ini akan turut menambah kecintaan mereka (place attachment) terhadap masjid. Hal ini boleh mewujudkan kitaran sosial yang mampan apabila kanak-kanak yang dirai di masjid pada hari ini mungkin dapat berbakti kepada masjid atau masyarakat setempat pada masa akan datang.

### **3.4 Pengurusan Jemaah & khalayak ramai**

Pembentukkan jati diri kanak-kanak dan remaja muslim memerlukan keseluruhan qariah masjid atau masyarakat setempat untuk menjayakannya. Maka, seharusnya jemaah dewasa juga perlu dididik mengenai perihal meraikan kanak-kanak dan remaja di masjid dan kepentingan menjadikan anak-anak muda sebagai pelapis umat Islam yang berkualiti pada masa hadapan. Layanan yang baik terhadap kanak-kanak dan remaja menjadi faktor yang amat besar dalam menjadikan persekitaran sosial masjid yang positif.

*Sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Abu Hurairah r.a bermaksud: "Bukan dari kalangan kami orang yang tidak kasihan belas terhadap anak-anak." Baginda saw.*

Sokongan daripada orang dewasa terutamanya ibu bapa, penjaga dan guru amat diperlukan bagi membentuk anak-anak yang mempunyai tahap perkembangan psikologi yang sihat (Hall 2008). Ini untuk memastikan anak-anak muda Islam dapat melalui persekitaran sosial yang positif sepanjang tumbesaran mereka kepada dewasa.

Kita dapat lihat dan contohi akhlak Rasulullah dalam interaksi Baginda kepada kanak-kanak dan remaja:

*Baginda Rasulullah saw telah mengajar sahabat-sahabat Baginda bagaimana cara melayan anak-anak dan cucu-cucu mereka dengan lemah lembut dan Baginda sendiri telah menunjukkan sebaik-baik contoh sebagaimana yang diceritakan bahawa Baginda Rasulullah solat berjemaah di masjid dan Baginda sendiri menjadi Imam. Tiba-tiba cucunya yang bernama Hassan memaut leher Baginda ketika Baginda sedang sujud menunaikan solat. Rasulullah sebagaimana yang diriwayatkan memanjangkan sujudnya ketika itu. Setelah selesai solat, seorang sahabat bertanya: Engkau memanjangkan sujud?. Jawab Rasulullah saw: Cucuku sedang menunggangku maka aku tidak sampai hati tidak menyampaikan kehendaknya.*

Layanan yang buruk seperti teguran yang kasar ataupun makian yang dilakukan oleh ahli qariah masjid mungkin akan menyebabkan kanak-kanak, remaja maupun dewasa menjauhi masjid. Mereka akan merasa tidak dihargai dan menanam rasa benci untuk ke masjid.

*Aku berpesan supaya kamu berbuat baik kepada orang muda. Sesungguhnya mereka dikurniakan Tuhan perasaan yang sangat sensitif. Ketika aku diutuskan membawa agama yang suci murni ini, kebanyakkan pemuda zamanku mendokongku dan kebanyakkan orang tua-tua menentangku.*

Sumber: <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/tareqat-tasauwuf/162-koleksi-kertas-kerja/626-pendidikan-anak-dengan-solat>

Dalam pada itu, masjid boleh mengambil kaedah pemasaran dalam pengurusan masjid. Para Jemaah atau pengunjung boleh dianggap sebagai pelanggan yang perlu ditarik datang untuk mengimarahkan masjid (Zainul Abidin 2013; Mohamed 2008; Arasteh 2014). Sekiranya kita ingin pelanggan datang berkali-kali, seharusnya sesbuah masjid itu mesra kepada semua golongan termasuk kanak-kanak, remaja, wanita dan OKU.

Salah satu kumpulan pelanggan yang juga perlu dititik beratkan dalam pembangunan masjid yang mesra kanak-kanak dan remaja adalah golongan wanita. Para Jemaah wanita terutamanya para ibu juga perlu diberi perhatian. Ibu-ibu perlu diberi peluang untuk menimba ilmu dan bersosial di masjid agar dapat menjadi tonggak pembangunan generasi muda (Toorawa 2015).

*Ibu Ibarat sekolah  
Sekiranya engkau menyiapkannya  
Maka engkau sudah melahirkan generasi yang mulia*

**Sumber: Dipertik dari (Abdullah Nasih Ulwan 2015)**

*“Jika kamu mendidik seorang laki-laki, sesungguhnya engkau hanya mendidik satu dari jutaan penduduk bumi. Tapi jika kamu mendidik seorang perempuan, maka sesungguhnya engkau sedang mendidik sebuah bangsa”*

Sumber: <https://www.dakwatuna.com/2013/03/19/29527/mendidik-seorang-wanita-sama-dengan-mendidik-sebuah-bangsa/#ixzz4ySpm5Afa>,

<http://www.afriprov.org/african-proverb-of-the-month/25-1999proverbs/146-sep1999.html>

Masjid yang tidak mesra kanak-kanak akan menyebabkan para ibu juga menjauhi masjid. Terdapat pelbagai cadangan untuk meraikan para ibu ke masjid. Pihak masjid boleh menyediakan perkhidmatan penjagaan anak-anak apabila para ibu ingin menghadiri ceramah atau kelas.



**Fasiliti yang menarik untuk ibu bapa dan bayi di Kompleks pasaraya**

**Sumber: internet**

Fasiliti-fasiliti lain yang memudahkan para ibu bapa juga dapat menggalakkan ibu bapa melazimi masjid. Institusi masjid boleh mencontohi kompleks pasaraya yang menyediakan kemudahan bilik susuan, tempat menyalin lampin dan tandas khas untuk kanak-kanak dan keluarga.

Untuk menjadikan masjid kekal relevan kepada masyarakat dini, masjid perlu menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang mesra pelanggan. Dengan itu, kita perlu mengkaji keperluan masyarakat daripada pelbagai lapisan – dari warga emas, lelaki dan perempuan dewasa, remaja serta kanak-kanak. Ini bagi memastikan masjid dapat menjadi pusat tumpuan masyarakat terutamanya Jemaah muslim.

### **3.4 Program, aktiviti dan fasiliti yang sesuai dengan ‘jiwa Muda’**

Selain itu, masjid perlu menganjurkan aktiviti, program dan ruangan yang menarik selari dengan rentak dan naluri remaja semasa untuk mewujudkan faktor penarik untuk anak muda datang (Abd.Wahab et al. 2016)

#### ***“Ajarlah anakmu mengikut zamannya” – Ali bin Abi Talib***

Penerapan didikan atau tarbiyah yang sesuai membolehkan anak muda membentuk jati diri sebagai seorang muslim yang mukmin yang mantap.

Pengisian masjid perlu dipelbagaikan mengikut kepelbagaian Jemaah. Sudah tentu kanak-kanak dan remaja yang mempunyai tenaga yang banyak serta berkecenderungan kepada bermain dan bereksplorasi tidak dapat duduk diam dengan duduk dan mendengar ceramah. Pengurus professional masjid atau kerjasama dengan badan-badan luar membolehkan program-program yang lebih menarik untuk kanak-kanak dan remaja diadakan. Terdapat pelbagai modul yang dicadangkan bagi kemudahan pihak masjid penganjurkan program-program khas untuk kanak-kanak dan remaja (Mohamad & Mohamed Adnan 2011; Samana Siddiqui 2014; Hidayat et al. 2011).

Fasiliti yang dicadangkan pula lebih bersifat umum seperti dewan, kelas pengajian dan padang permainan (Mohamed 2008). Namun rekabentuk dan ruang-ruang masjid biasanya dicadangkan dan direkabentuk oleh orang dewasa. Tidak pernah atau jarang kita amati keperluan dan kehendak generasi muda terhadap masjid. Ini menimbulkan persoalan jika konteks persekitaran fizikal masjid bersifat mesra dari perspektif kanak-kanak dan remaja.

## **4.0 RUMUSAN**

Masjid perlu menjadi mesra kanak-kanak dan remaja seperti mana dengan menhidupkan kembali peranan masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. Institusi masjid juga perlu maju kehadapan mengikut peredaran zaman dan tuntutan semasa. Matlamat ini boleh dicapai dengan pengurusan professional serta fasiliti yang dapat menarik ‘pelanggan’ untuk terus datang mengimarahkan masjid. Pengurusan masjid dan penyediaan fasiliti dan persekitaran fizikal masjid selalunya dipelopori oleh orang dewasa tanpa melibatkan golongan muda. Kedua-duanya perlu bersifat inklusif dengan mengambil kira kebijakan generasi muda pelapis umat. Oleh itu, kajian lanjut dan praktikal mengenai pengurusan dan persekitaran fizikal masjid perlu dilakukan untuk memperhalusi segala cadangan dan peluang yang ada.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan buat Institut Sultan Iskandar (ISI) dan Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia UTM kerana menjayakan penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Abd.Wahab, N.A., Ab.Hamid, N. & Che Man, N., 2016. PEMERKASAAN PERANAN MASJID DI MALAYSIA ERA KONTEMPORARI. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), pp.219–229.
- Abd Hamid, S.Z. & Ismail, S., 2014. Masjid sebagai pusat pendidikan kanak-kanak: Satu tindakan. *The International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, (December 2014), pp.128–134.
- Abdullah Nasih Ulwan, 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam: Mencorak Peribadi Awal Anak (Terjemahan)* M. I. bin Abdullah, ed., PTS Publishing House sdn Bhd.
- Abu Bakar, A.R., 2010. *Sistem Pengurusan Penyenggaraan Bagi Bangunan Masjid*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Arasteh, H.J., 2014. Masjid and Its Management: Issues and Challenges. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, (December), pp.58–71.
- Badaruddin Mohamed, 2003. Planning for the Children of the Future The Case of Malaysia. In *Proceeding of Conference on Children and the City*. pp. 1–10.
- Batubara, J.R.L., 2010. Adolescent Development (Perkembangan Remaja). *Sari Pediatri*, 12(1), pp.21–29. Available at: <http://saripediatri.idai.or.id/pdf/12-1-5.pdf>.
- Hall, S.K., 2009. *Raising Kids in the 21st Century*, Available at: <http://dx.doi.org/10.1002/9781444305197.ch1>.
- Hidayat, B. et al., 2011. Fungsi Masjid dan Surau dalam Pendidikan Islam di Sekolah. *Al-Basirah*, 1(1), pp.105–121.
- Maimunah, S. et al., 2014. Potential of Facilities Management in Uplifting Mosque Management Functions. *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, (December), pp.1–13.
- Mat Arshad, N., 2008. *Pengurusan Penyenggaraan Masjid*,
- Mohamad, S. & Mohamed Adnan, M.A., 2011. Modul Pendidikan Kanak-kanak dan Remaja Melalui Institusi Masjid. In *Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa*. pp. 379–387.
- Mohamed, R., 2008. Pemerksaan Masjid melalui Pengurusan Professional. In *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*.
- MUIS, 2005. Remodelling Mosque. In *Mosque Convention*. Singapore: Majlis Ugama Islam Singapura.

Mustari, M.I., 2006. *Menjadi Belia Cemerlang*, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.  
Samana Siddiqui, 2014. 10 ways to make your Masjid teen-friendly. , pp.14–16.

SIRIM, 2014. Malaysian Standard: Architecture and asset management of masjid - Code of practice. *MS 2577:2014*, (First Issue), p.35.

Toorawa, S., 2015. Children in the Masjid : Making space for our future. *Sound Vision*, pp.1–12.

Ulwan, A.N., 2015. *Tarbiyatul Aulad fil Islam: Menggilap Sinar Peribadi Anak* vol. 2 (Mal. PTS Publication & Distributor, ed., Dar Al-Salam.

Zainul Abidin, M.A., 2013. Masjid Kita Kaku Tidak Mesra Pelanggan. Available at: <http://drmaza.com/home/?p=2507> [Accessed February 26, 2014].